

AKHBAR : BERITA HARIAN
TARIKH : 7 OKTOBER 2023
SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE
HARI : SABTU



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL SUKAN ASIA

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Jelajah BMS 2023 Peringkat Zon Timur dapat sambutan

Oleh Faizul Azlan Razak - Oktober 7, 2023 @ 7:31pm
bhnews@bh.com.my



Norliza merasmikan Jelajah Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Timur di KTCC Mall, di sini.- Foto NSTP/Faizul Azlan Razak

KUALA TERENGGANU: Jelajah Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Timur yang dilancarkan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), sebagai usaha menggalakkan budaya menabung dalam kalangan masyarakat, hari ini mendapat sambutan orang ramai.

Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata program Jelajah BMS 2023 Zon Timur turut membabitkan negeri Pahang dan Kelantan dengan mengadakan BMS secara serentak selepas pelancaran di Selangor minggu lalu.

Beliau berkata, program jelajah akan diteruskan untuk Zon Selatan di Johor Bahru pada 14 Oktober dan Zon Utara di Pulau Pinang pada 21 Oktober dan diikuti penutup di Kuala Lumpur pada 29 Oktober ini.

"Menginjak 26 tahun usia PTPTN, agensi ini terus komited melaksanakan fungsinya iaitu menyediakan kemudahan pinjaman, menguruskan bayaran balik serta membudayakan amalan penabungan.

"Matlamat utama PTPTN adalah untuk memastikan tiada pelajar yang tercicir melanjutkan pengajian ke menara gading disebabkan masalah kewangan," katanya sempena Jelajah Bulan Menabung Simpan SSPN 2023 Peringkat Zon Timur di KTCC Mall, di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid, Pengarah Negeri, Pejabat PTPTN Negeri Terengganu, Azizah Nasik dan bekas Pengerusi PTPTN, Dr Apli Yusoff.

Pelbagai aktiviti menarik diadakan antaranya Pertandingan Mewarna Simpan SSPN, Pertandingan Simpan SSPN Got Talent, Rekacipta Model Robotik dan Family Jenga.



Norliza menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mewarna sempena Jelajah Bulan Menabung Simpan SSPN (BMS) 2023 Peringkat Zon Timur di KTCC Mall.- Foto NSTP/Faizul Azlan Razak

Norliza berkata, Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan dan manfaat seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah.

Beliau berkata, sehingga 31 Ogos 2023, PTPTN membantu seramai 3.84 juta pelajar membabitkan dana pinjaman yang dikeluarkan berjumlah RM70.02 billion.

"PTPTN memperkenalkan Simpan SSPN pada tahun 2004 yang menjadi tabung pendidikan terbaik kepada ibu bapa bagi perancangan kewangan.

"Komitmen PTPTN dalam memupuk budaya menabung turut diterjemahkan melalui Teras Pertama Pelan Strategik PTPTN 2021-2025 iaitu 'Menjadikan Simpan SSPN sebagai produk simpanan pendidikan utama di Malaysia," katanya.

Beliau berkata, usaha ini selari dengan hasrat PTPTN untuk mentransformasikan minda masyarakat daripada meminjam kepada menyimpan bagi mengurangkan kebergantungan masyarakat kepada pinjaman sekali gus mengelakkan anak-anak dibelenggu hutang apabila tamat pengajian.

Katanya, dalam tempoh 19 tahun Simpan SSPN diperkenalkan, pencapaian deposit Simpan SSPN sentiasa menunjukkan peningkatan ketara pada setiap tahun.

"Sehingga 31 Ogos 2023, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM15.81 bilion dengan bilangan akaun sebanyak 6.04 juta akaun.

"Di Terengganu, deposit Simpan SSPN yang diterima adalah berjumlah RM275.11 juta dengan bilangan akaun sebanyak 300,786," katanya.

Sementara, pengunjung, Mohd Amar Mustaqim Abdul Rahman, 33, berkata dia mengambil peluang menabung untuk simpanan anak sulung, Qaisarah Aishah berusia tujuh tahun.

Katanya, dia harap dengan pembukaan akaun itu dapat membantu anaknya sekiranya berpeluang melanjutkan pengajian ke universiti.

"Saya membuka akaun ini selepas tertarik dengan pelbagai keistimewaan dan tawaran yang disediakan selain ia simpanan untuk jangka panjang anaknya," katanya yang tinggal di Kampung Tetambah, Manir.

Seorang lagi pengunjung, Saadah Hijung, 36, berkata program yang dianjurkan sedikit sebanyak memberi peluang untuk orang ramai membuka akaun.

Saadah yang tinggal di Kampung Mengabang Tengah, Batu Buruk di sini berkata, dua daripada empat anaknya sudah membuka akaun pada 2006.

"Saya mengambil peluang membuka satu lagi akaun untuk anak ketiga selain menambah simpanan terhadap dua akaun sebelum ini.

"Saya memang suka menabung sejak dulu lagi dan berharap simpanan ini dapat memberi manfaat serta membantu anak-anak pada masa depan," katanya.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1161991/jelajah-bms-2023-peringkat-zon-timur-dapat-sambutan>